




JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PELAN 2016 2020 STRATEGIK INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA




“ STATISTIK MENCETUS MINDA INOVATIF ”

Pelan Strategik

Institut Latihan Statistik Malaysia
2016 - 2020



GARIS MASA



PENGARAH

INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA
2009 hingga kini...



En. Ismail Abdullah

Mac 2009 - Feb 2012



Tn. Hj. Azahari Mohd Raslan

Feb 2012 - Jul 2014



En. Wan Mohd Shahrulnizam
Wan Mohd Najuri

Ogos 2014 - kini

ILSM

5 Tahun

2012 - 2016



KANDUNGAN

02	Garis Masa
03	ILSM 5 Tahun
05	Perutusan Ketua Perangkawan
06	Prakata Pengarah Institut Latihan Statistik Malaysia
07	Ringkasan Eksekutif
08	BAB 1: PENGENALAN
09	Pencapaian Organisasi
10	Kapasiti Penggunaan ILSM
11	Kerjasama Antarabangsa
12	Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan IPTA & IPTS
13	Literasi Statistik Dengan Komuniti Setempat dan Tanggungjawab Sosial
13	Sejarah Penubuhan
14	Carta Organisasi
15	Tadbir Urus
16	Jawatankuasa Pengurusan Latihan
17	Punca Kuasa
18	Pemegang Taruh
19	Pelan Operasi Latihan
20	Takrifan Latihan DOSM
21	Program Latihan ILSM
22	Komposisi Latihan
23	Struktur Latihan
24	BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA
25	Pemeriksaan Modal Insan
26	Kepentingan Latihan Yang Lengkap Kepada Pegawai Baru dan Meningkatkan Kepakaran Pegawai
26	Perkembangan Teknologi
27	Tenaga Pengajar Yang Kompeten
28	Tadbir Urus Latihan dan Pengukuhan Organisasi ILSM Selaku Centre of Excellence
28	Kemudahan Infrastruktur dan Prasarana Yang Lengkap
28	Jalinan Kerjasama Kepakaran
29	BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK
30	Visi
30	Misi
30	Objektif
31	Fungsi
31	Piagam Pelanggan
32	Nilai-nilai Bersama
33	Ringkasan Pelan Strategik
34	Teras-teras Strategik
39	Faktor Penentu Kejayaan
41	Menuju Ke Hadapan dan Langkah Seterusnya
42	PELAN TINDAKAN
50	Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik ILSM 2016-2020
52	Akronim

“Pelan strategik ini akan membuka ruang yang luas melalui pelbagai program yang akan menghasilkan satu gerakan bersepadu oleh semua pihak yang menyumbang ke arah keunggulan statistik Negara.”



YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan
Ketua Perangkawan

PERUTUSAN

Ketua Perangkawan

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Statistik

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya buat julung kalinya telah berjaya menyediakan naskhah Pelan Strategik ILSM 2016 – 2020. Pelan strategik bagi tempoh lima tahun ini amat penting sebagai pemangkin kepada perancangan serta hala tuju strategik ILSM sebagai institusi latihan yang unggul dalam bidang statistik.

Sebagai pusat kecemerlangan Jabatan Perangkaan Malaysia, ILSM bertanggungjawab untuk menyediakan pakej pembelajaran yang komprehensif dan berkualiti bagi penyampaian outcome yang berimpak tinggi kepada stakeholders Jabatan. Langkah ini adalah seiring dengan aspirasi memperkasakan modal insan Jabatan seperti yang digariskan di dalam Pelan Transformasi Jabatan 2015–2020 melalui Teras Strategik 3 iaitu Mendaya Upaya Bakat. Dokumen ini merangkumi strategi-strategi yang akan memacu arah tuju kecemerlangan ILSM dalam tempoh 5 tahun serta mendepani cabaran global seperti Sustainable Development Goals (SDG), fenomena ledakan data raya, Data Science dan sebagai rujukan strategik ke arah melahirkan Subject Matter Experts (SME) di dalam bidang-bidang yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Saya berharap pelan strategik ini akan membuka ruang yang luas melalui pelbagai program yang akan menghasilkan satu gerakan bersepadu oleh semua pihak yang menyumbang ke arah keunggulan statistik Negara.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih serta menyumbang idea dan kepakaran dalam menghasilkan pelan strategik ini. Mudah – mudahan segala usaha dan sumbangan tersebut akan meningkatkan lagi kecemerlangan ILSM.

Sekian, terima kasih.

“

Setiap teras strategi dalam pelan ini telah dirancang dengan teliti dan pelaksanaannya akan digerakkan melalui cara kerja yang lebih kreatif dan inovatif serta menggunakan sumber dengan lebih cekap dan optimum agar sasaran dan KPI tercapai.

”

PRAKATA

Pengarah ILSM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Statistik.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas izinNya, Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia 2016 – 2020 telah berjaya dihasilkan. Sistem penyampaian statistik rasmi semakin mencabar seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi maklumat dan tuntutan masyarakat yang semakin kompleks. Dalam menghadapi cabaran ini, peranan ILSM sebagai Pusat Kecemerlangan dizahirkan melalui Pelan Strategik ILSM 2016 – 2020.

Setiap teras strategi telah dirangka dengan teliti dan pelaksanaannya akan digerakkan melalui cara kerja yang lebih kreatif dan inovatif. Penggunaan sumber yang cekap dan optimum adalah faktor penting bagi mencapai sasaran dan KPI yang ditetapkan. Pelan ini akan menjadi rujukan utama seluruh warga ILSM dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Saya percaya dengan kerjasama semua, setiap strategi yang digariskan akan dapat direalisasikan dan memacu visi ILSM sebagai institusi pembelajaran yang unggul dalam bidang statistik rasmi.

Sekian, terima kasih.



**Wan Mohd Shahrulnizam bin
Wan Mohd Najuri**
Pengarah
Institut Latihan Statistik Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia (PSI) 2016 – 2020 merupakan dokumen hala tuju ILSM yang dijadikan garis panduan bagi mencapai matlamat pembangunan yang telah dirangka untuk tempoh lima tahun. Pelan Strategik ini diujarkannya seiring dengan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015 – 2020 dengan memberi fokus kepada pemerkasaan modal insan yang menjadi salah satu daripada dimensi utamanya. PSI ini juga menganalisa cabaran dan harapan pemegang taruh terhadap Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) sebagai pusat kecemerlangan pembelajaran statistik selaras dengan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai agensi utama dalam bidang statistik rasmi.

Ledakan teknologi seiring dengan globalisasi ekonomi dan sosial telah merubah corak pengurusan latihan dan perkhidmatan statistik di setiap peringkat. Modernisasi di dalam penghasilan statistik rasmi merupakan cabaran utama terutama yang melibatkan analisis data raya dan Data Science yang perlu dihadapi. Hal ini menuntut ILSM bergerak pantas supaya tidak ketinggalan dalam mencapai visi menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul. Pelan strategik ini telah memfokuskan hala tuju dengan menggariskan lima teras berikut :



Pengurusan Pembelajaran Yang Berkualiti Dan Berinovatif



Tenaga Pengajar Yang Kompeten



Pemantapan Dasar Dan Tadbir Urus Latihan



Pengurusan Infrastruktur Yang Efektif Dan Efisien




Jalinan Usahasama Strategik

Teras ini diperhalusi dengan 9 strategi, 34 objektif strategi dan pelbagai aktiviti bagi mengukuhkan ILSM untuk menjadi pusat kecemerlangan seperti yang disasarkan dalam Pelan Transformasi DOSM 2015 – 2020. Pelan strategik ini akan menjadi pandu arah bagi warga ILSM melaksanakan segala perancangan dalam memperkasa pembangunan modal insan yang cemerlang melalui pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif dan seterusnya meletakkan ILSM sebaris dengan Institut Latihan Awam yang terkemuka di Malaysia.



BAB 1: PENGENALAN


PENCAPAIAN ORGANISASI



* Sehingga 31 Disember 2016

KAPASITI PENGGUNAAN ILSM

Berikut merupakan pencapaian ILSM sepanjang tahun 2012 sehingga 2016 :



KERJASAMA ANTARABANGSA


Sejak awal penubuhannya, ILSM telah mengorak langkah dalam meluaskan jaringan antarabangsa demi memperkukuh inisiatif DOSM sebagai organisasi terbilang di dunia menjelang tahun 2020. Usaha proaktif ini dizahirkan dengan jalinan kerjasama strategik bersama Badan Statistik Antarabangsa seperti United Nations Statistics Division (UNSD), United Nations Statistical Institute for Asia and The Pacific (UNSIAP), United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP), ASEAN Secretariat (ASEC) dan European Commission - Capacity Building Project For Monitoring Integration Progress And Statistics (EU-COMPASS). Melalui kerjasama strategik ini, ILSM telah berjaya melaksanakan lima (5) kursus antarabangsa dengan penyertaan seramai 134 orang peserta daripada negara-negara anggota ASEAN dan Asia Pasifik iaitu:

KURSUS ANTARABANGSA DI ILSM

BIL	TARIKH	KURSUS
1	23 - 27 September 2013	<i>Sub Regional Course on System of Environmental-Economic Accounting (SEEA)</i>
2	26 - 30 Januari 2015	<i>Regional Course on Statistical Business Registers: Making a Business Case for an Operational Statistical Business Register</i>
3	26 - 30 September 2016	<i>Regional Training Workshop on The System of Environmental - Economic Accounting (SEEA) With A Focus On Water Accounting</i>
4	24 - 28 Oktober 2016	<i>Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSs) on Business Survey Methodology</i>
5	24 - 28 Oktober 2016	<i>Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSs) on Seasonal Adjustment</i>

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN IPTA & IPTS

Sehingga 2016, sebanyak **11 Universiti** telah menandatangani MoU dengan Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu **9 Universiti Awam** dan **2 Universiti Swasta**



Sehingga tahun 2016, sebanyak 11 Universiti telah menandatangani MoU dengan DOSM iaitu 9 Universiti Awam dan 2 Universiti Swasta dan perjanjian persefahaman ini adalah mengenai bidang kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik. Kerjasama ini termasuklah 126 rekod pinjaman data mikro oleh pihak Universiti yang mana data Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah mencatat rekod pinjaman data tertinggi, diikuti oleh data Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah dan data Banci Penduduk dan Perumahan. Melalui data mikro ini, 31 kajian telah dihasilkan iaitu 14 kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 1 kajian oleh Universiti Malaya (UM), 12 kajian oleh Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan 4 kajian oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Selain itu juga, DOSM telah dijemput untuk mengadakan 10 program Statistics Talk dan Bicara Statistik di beberapa buah Universiti. DOSM turut terlibat dalam Jawatankuasa Semakan Kurikulum Sarjana Statistik Gunaan dan memberi cadangan dalam memperkukuhkan kurikulum Sarjana Universiti Malaya pada 19 November 2015. UPSI pula telah membekalkan penceramah bagi Kursus Makroekonomi, manakala UiTM membekalkan penceramah bagi kursus SAS dan SPSS di ILSM.

LITERASI STATISTIK DENGAN KOMUNITI SETEMPAT DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

ILSM menjalankan program literasi statistik dan tanggungjawab sosial dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan universiti dan sekolah berhampiran serta masyarakat setempat.

Program Statistics Talk bersama pelajar universiti telah dijalankan di Kolej Matrikulasi Perak, Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia dan Universiti Perguruan Sultan Idris. Pengisian program adalah penerangan mengenai peranan DOSM yang menjalankan banci serta pelbagai penyiasatan bagi memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara dan menjadi sumber statistik rasmi negara.

Program Statistik dan Anda Bersama Komuniti Setempat pula merupakan program yang melibatkan 60 orang pelajar dari tiga buah sekolah menengah terpilih dalam Daerah Batang Padang. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam program tersebut adalah sesi taklimat dan ice breaking serta StatsRun. Program ini telah mendapat maklum balas yang amat baik dari peserta dan guru yang terlibat.


Program kebajikan ILSM telah dijalankan pada bulan Ramadhan iaitu Bantuan Asnaf sempena Aidilfitri serta pengagihan bubur lambuk percuma di Kawasan Sungkai. Program ini adalah bertujuan mendekatkan ILSM dengan masyarakat setempat.

SEJARAH PENUBUHAN

Pada tahun 1987, Kumpulan Kerja Pembangunan Sumber Manusia telah ditubuhkan bagi merancang pembangunan program latihan di DOSM. Ini disusuli dengan pengwujudan Bahagian Pembangunan Perangkaan pada tahun 1990 yang bertanggungjawab menyediakan program latihan dalaman untuk warga DOSM. Sejajar dengan dasar kerajaan yang menekankan pembangunan sumber manusia, penjenamaan semula Bahagian ini dilaksanakan pada tahun 2003 dengan jumlah perjawatan seramai 21 orang dan dikenali sebagai Bahagian Latihan Perangkaan.

Selaras dengan Teras Kedua Misi Nasional iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, Kerajaan telah meluluskan permohonan DOSM untuk membina ILSM di bawah projek Public Fund Initiatives (PFI). Pembinaan ILSM telah dimulakan pada tahun 2009 dan siap sepenuhnya bagi fasa pertama pada 28 Disember 2011 dengan berkeluasan tanah 40 sebanyak ekar di Sungkai, Perak Darul Ridzuan. Pembangunan ILSM ini seterusnya dilengkapi melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh pada 24 Jun 2014 dengan kemudahan fasiliti Blok Pentadbiran, Blok Penginapan, Dewan Serbaguna, Surau, padang bola sepak, perpustakaan dan fasiliti pembelajaran lain. ILSM telah memulakan operasi pada 3 Januari 2012 dengan kekuatan perjawatan seramai 35 anggota dan pelaksanaan kursus pertama adalah pada 5 Mac 2012.

CARTA ORGANISASI



TADBIR URUS

PENGERUSI



YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan
Ketua Perangkawan

AHLI LEMBAGA PENASIHAT



YBrs. Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin
Timbalan Ketua Perangkawan
Program Sosial / Demografi



YBrs. Tuan Haji Azahari Bin Mohd Raslan
Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi

WAKIL AGENSI



Jabatan Perdana Menteri



Kementerian Pendidikan Malaysia
Jabatan Pengajian Tinggi



Kementerian Kewangan



Jabatan Perkhidmatan Awam



Universiti Teknologi
MARA



Agensi Kelayakan
Malaysia

WAKIL JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan

Pengarah
JP Wilayah Persekutuan

Pengarah
Bahagian Korporat dan Khidmat Pengurusan

Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat

Pengarah
Bahagian Koordinasi Data

Pengarah
Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)
(Sekretariat)

TERMA RUJUKAN

- Memberi pandangan dan nasihat mengenai pelan strategik bagi Institut, kurikulum kursus dan perancangan pengurusan jangka masa panjang;
 - Meningkatkan hubungan kerjasama dan penyelarasan di antara ILSM dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain dalam bidang latihan;
 - Mengkaji kemajuan aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan dari semasa ke semasa;
 - Menasihati ILSM dari segi pengurusan dan penyediaan program-program latihan;
 - Menasihati ILSM dalam usaha untuk mendapatkan bantuan institusi, kepakaran teknik dan pengurusan daripada agensi dalam dan luar negeri yang berkaitan; dan
 - Memandu dan membantu ILSM dalam meningkatkan lagi keupayaan sebagai institusi latihan dalam bidang statistik.
- * Ahli Lembaga Penasihat juga menyumbang dalam pelbagai kapasiti sebagai pakar rujuk dan panel bagi seminar, forum dan perbincangan meja bulat yang diadakan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN LATIHAN

KEAHLIAN

Pengerusi:

Ketua Perangkawan

Ahli:

- *Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi*
- *Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial & Demografi*
- *Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan*
- *Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Maklumat*
- *Pengarah Kanan Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan*
- *Pengarah Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi*
- *Pengarah Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran*
- *Pengarah Bahagian Koordinasi Data*
- *Pengarah Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan*
- *Pengarah Bahagian Korporat & Khidmat Pengguna*

Urus setia:

Institut Latihan Statistik Malaysia


TERMA RUJUKAN

- *Merancang, melaksana, menganalisa dan mengkaji semula Pelan Operasi Latihan Jabatan;*
 - *Mengurus dan memantau peruntukan tahunan sekurang-kurangnya satu peratus daripada emolumen Jabatan diperuntukkan untuk latihan; dan*
 - *Merancang dan menguruskan infrastruktur pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dan moden.*
- * *JPL dijadualkan bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun. Keputusan analisis TNA dan pembahagian peruntukan dalaman akan dikemukakan semasa mesyuarat ini untuk kelulusan Ketua Perangkawan.*

PUNCA KUASA

Punca kuasa bagi ILSM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ialah:

DASAR – DASAR:



1. Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005
Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016
Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

AKTA:

1. Akta Perangkaan 1965 (Disemak - 1989)
2. Akta Banci 1960

PELAN STRATEGIK:



1. Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015–2020
2. Pelan Strategik ICT Jabatan Perangkaan Malaysia 2016–2020
3. Pelan Integriti Jabatan Perangkaan Malaysia 2016–2020

PEMEGANG TARUH DAN HARAPAN

Pemegang taruh utama bagi ILSM adalah DOSM. Selaras dengan peranan DOSM dalam pemerkasaan perkhidmatan statistik, DOSM turut mensasarkan ILSM menjadi sebuah pusat perkongsian ilmu, pembangunan modal insan dan pembentukan tenaga pakar dalam bidang sains statistik setanding dengan institusi latihan bertaraf antarabangsa.

Pemegang taruh :

1. DOSM

- Program Ekonomi
- Program Sosial/Demografi
- Program Khidmat Pengurusan dan Sokongan
- Jabatan Perangkaan Negeri
- Kader

2. Stakeholders DOSM

- Jemaah Menteri
- Jabatan Perdana Menteri
- Unit Perancang Ekonomi
- Kementerian Kewangan Malaysia
- Bank Negara Malaysia
- Kementerian-kementerian lain

3. Pengguna Umum

- Ahli Parlimen/Anggota pentadbiran
- Ahli Dewan Undangan Negeri/EXCO Negeri
- Suruhanjaya-suruhanjaya
- Pejabat Kedutaan/Pesuruhjaya Tinggi Asing
- Agensi swasta
- Institut Pengajian Tinggi
- Penyelidik
- Dewan perniagaan
- Persatuan pengguna
- Kesatuan sekerja
- Pertubuhan belia
- Orang awam

4. Pengguna Antarabangsa

- United Nations Statistics Division (UNSD)
- Organization of Islamic Cooperation (OIC)
- Economic and Social Commission for Asia and the Asia Pasific (ESCAP)
- ASEAN Secretariat
- World Bank
- International Monetary Fund (IMF)
- World Health Organization (WHO)
- International Labour Organization (ILO)
- Food and Agriculture Organization (FAO)
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)
- Asian Development Bank (ADB)
- United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)
- National Statistical Office (NSO) negara-negara lain
- World Trade Organization (WTO)
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)
- International Institute for Management Development (IMD)
- International Telecommunication Union (ITU)



PELAN OPERASI LATIHAN

Objektif

Objektif latihan adalah seiring dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam iaitu setiap anggota perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Ini selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 yang dibangunkan di mana salah satu agenda pelaksanaannya adalah memperkasakan modal insan di bawah Teras Strategik 3 iaitu Mendaya Upaya Bakat.

Dasar

Dasar latihan yang digubal menjadi asas kepada pelaksanaan kursus bagi memenuhi perkara berikut:

- Menyediakan anggota yang mahir, berkebolehan, kompeten dan berketerampilan bagi mencapai hasil kerja yang berkualiti mengikut standard yang telah ditetapkan.
- Menyediakan pakar dalam bidang statistik, ICT, pengurusan kewangan, perkhidmatan dan pentadbiran.
- Menyediakan jurulatih mahir dalam memberi kursus dan latihan.
- Membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif.
- Mewujudkan nilai tambah di dalam Jabatan.

Definisi

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, takrif latihan ialah:

“Proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program mentoring / coaching atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.”

TAKRIFAN LATIHAN DOSM

Latihan

Definisi: Aktiviti Latihan anjuran Jabatan, Program, Bahagian, JP Negeri atau Agensi Luar di dalam dan Luar Negara yang dijalankan selama enam (6) jam atau lebih secara bersemuka dan berterusan.

Aktiviti: Kursus, Seminar, Konvensyen, Bengkel, Forum, Simposium dan Persidangan.

- Latihan Dalaman
 - Aktiviti latihan yang dianjurkan oleh ILSM.
 - Aktiviti latihan yang dianjurkan oleh Bahagian / JP Negeri di bawah pemakluman ILSM berdasarkan kepada Maklumat Pentabiran Latihan Bilangan 1 Tahun 2015.
- Latihan Luar Jabatan
 - Aktiviti latihan yang dianjurkan oleh agensi luar Jabatan sama ada agensi kerajaan seperti INTAN, JPM dan sebagainya serta agensi swasta.
- Latihan Luar Negara
 - Aktiviti latihan yang dianjurkan oleh agensi seperti UNSD, UNSIAP dan sebagainya termasuk bertugas di luar negara kerana menghadiri mesyuarat.

Pengecualian: Sebarang taklimat berkenaan Butiran Perkara yang dianjurkan oleh Bahagian / JP Negeri, walaupun melebihi enam jam, perlu dilaporkan di bawah Sesi Pembelajaran.

Sesi Pembelajaran

Definisi : Sebarang aktiviti latihan atau pembelajaran secara bersemuka (terdiri daripada pengajar dan pelajar) anjuran Jabatan, Program, Bahagian, JP Negeri, Pejabat Operasi, Seksyen, Unit dan Agensi Luar yang tempohnya kurang daripada enam jam.

- Aktiviti:**
- Sesi Perkongsian Ilmu (KSS) di peringkat Jabatan, Program, Bahagian, JP Negeri, Pejabat Operasi, Seksyen dan Unit
 - Taklimat Penyiasatan Bahagian / JP Negeri
 - Program Bicara
 - Program Executive Talk anjuran Jabatan, INTAN atau program yang seumpamanya.
 - Perhimpunan Bulanan Jabatan, Program, Bahagian dan JP Negeri.
 - Pertemuan Mentor dan Mentee
 - Sesi Perbincangan / Perkongsian Idea Pengurusan Tertinggi / Tetamu
 - Jemputan Khas
 - Pembentangan Kertas Kerja
 - Sesi Kaunseling Perkembangan
 - Menyampaikan ceramah

TAKRIFAN LATIHAN DOSM

Pembelajaran Kendiri

Definisi: Sebarang aktiviti pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas usaha sendiri. Aktiviti ini boleh melibatkan pembelajaran secara bersemuka atau tidak bersemuka (online). Untuk diambil kira di dalam Log Latihan, pegawai yang terlibat dengan pembelajaran kendiri perlu mendapatkan persetujuan Pegawai Penyelia dan membentangkan hasil daripada pembelajaran kendiri tersebut.

Aktiviti: Seorang pegawai di peringkat sekurang-kurangnya Ketua Penolong Pengarah (KPP) atau Pegawai Pengesah Latihan (PPL) perlu hadir bagi mengiktiraf sesi tersebut sebagai satu hari berkursus.

- i. Pembelajaran melalui portal e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) - www.epsa.intan.my
- ii. Pembelajaran melalui portal e-pembelajaran lain yang diiktiraf oleh Jabatan/Kerajaan.
- iii. Penggunaan Pangkalan Repositori Ilmu Sumber Manusia (PRISMA-HRMIS).
- iv. Pembacaan buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (buku atau e-book).
- v. Pembacaan Jurnal Ilmiah / Laporan Kajian dan lain-lain bahan ilmiah secara fizikal atau maya (virtual).

PROGRAM LATIHAN ILSM

1

Peringkat Asas
(0-3 tahun)

2

Peringkat Pertengahan
(4-10 tahun)

3

Peringkat Lanjutan
(Melebihi 10 tahun)

4

Peringkat Peralihan
(2 tahun sebelum bersara)


Bilangan Kursus Mengikut Bidang Latihan

Bidang Latihan	Bilangan Kursus
Ekonomi	55
Sosial dan Demografi	38
Metodologi Penyelidikan dan Kualiti	35
ICT dan Geospasial	81
JUMLAH	209

KOMPOSISI LATIHAN

Komposisi pelaksanaan latihan adalah berdasarkan komponen berikut:

Rajah 1 : Komposisi Latihan




Latihan di Jabatan Perangkaan Malaysia merangkumi latihan di dalam dan di luar negara. Latihan di dalam negara meliputi dua perkara iaitu:

- Latihan berjadual iaitu kursus dalaman yang dilaksanakan di ILSM dan kursus outreach iaitu di JP Sabah dan JP Sarawak; dan
- Latihan tidak berjadual iaitu kursus luar Jabatan serta taklimat / bengkel dan persidangan yang dianjurkan oleh Bahagian Butiran Perkara dan JP Negeri.

Latihan luar negara yang disertai adalah merupakan anjuran organisasi antarabangsa dan badan statistik utama dunia. Keperluan penglibatan anggota di Jabatan Perangkaan Malaysia adalah berdasarkan kepada keahlian Jabatan sendiri samada di peringkat ASEAN mahupun negara-negara yang lain. Ini secara tidak langsung anggota Jabatan dapat berkongsi kepakaran Jabatan di peringkat antarabangsa dan menjadi focal person untuk latihan / bengkel di peringkat antarabangsa yang dihadiri.

STRUKTUR LATIHAN



a) Peringkat Asas (0 – 3 Tahun)

Latihan peringkat asas dilaksanakan kepada semua anggota yang berkhidmat dari awal pelantikan sehingga tempoh tiga tahun. Tahap latihan pada peringkat ini ialah Tahap Pendedahan dan Tahap Penerapan Kompetensi yang bersifat umum dan penekanan adalah terhadap perkhidmatan.

b) Peringkat Pertengahan (4 – 10 Tahun)

Latihan peringkat pertengahan melibatkan Tahap Pembangunan Kompetensi dan Tahap Peningkatan Kompetensi kepada anggota yang telah berkhidmat di antara tiga hingga sepuluh tahun.

- i. Tahap Pembangunan Kompetensi bertujuan menyediakan anggota yang berkebolehan dan berkeupayaan melakukan sesuatu tugas dengan cepat dan menepati standard umum yang ditentukan.
- ii. Tahap Peningkatan Kompetensi pula bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru kepada anggota.

c) Peringkat Lanjutan (melebihi 10 tahun)

Latihan peringkat lanjutan dilaksanakan kepada anggota yang telah berkhidmat melebihi sepuluh tahun. Tujuannya ialah untuk memantapkan dan mengukuhkan keupayaan anggota secara berterusan selaras dengan keperluan dan cabaran-cabaran semasa.

d) Peringkat Peralihan (2 tahun sebelum bersara)

Latihan Peringkat Peralihan dilaksanakan kepada anggota yang akan meninggalkan perkhidmatan dalam tempoh dua tahun sebelum bersara. Tujuan tahap ini ialah untuk menyediakan anggota Perkhidmatan Awam yang akan meninggalkan perkhidmatan kepada pengetahuan dan persekitaran baru.



BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Pemeriksaan Modal Insan

Keperluan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berintegriti amat penting sejajar dengan perubahan global masa kini yang dinamik, saling berhubung dan mencabar. Cabaran ini menuntut modal insan yang berkebolehan menyelesaikan tugas dengan lebih strategik, analitik, kreatif dan inovatif. DOSM perlu menyediakan ruang dan peluang kepada warganya bagi mengikuti kursus, seminar, forum di dalam dan luar negara berkaitan bidang statistik. Pemeriksaan modal insan secara menyeluruh di DOSM dapat direalisasikan dengan penubuhan ILSM.

Komitmen Malaysia dalam memenuhi keperluan pembangunan lestari (SDG) di peringkat global dan nasional telah memberi peranan penting kepada DOSM sebagai focal point dan penyelar dalam pelaksanaan matlamat global tersebut. Pengamal statistik dikehendaki memodenisasikan proses penghasilan dan penyebaran statistik yang menepati keperluan semasa serta masa hadapan. Selaras dengan Pelan Transformasi DOSM 2015-2020, ILSM perlu mempunyai perancangan strategik bagi memastikan pemeriksaan modal insan yang kompeten, berkepakaran tinggi, inovatif, kreatif dan accountable dapat dipenuhi.



Keperluan latihan yang lengkap kepada pegawai baru dan meningkatkan kepakaran pegawai

Profesion statistik semakin penting dalam agenda tranformasi negara dengan berperanan sebagai pakar rujuk. Ini adalah sejajar dengan evolusi penganalisan data dan dunia kini yang berdepan dengan cabaran big data. Kerajaan melalui Pembangunan Bakat Analitik Data Raya (BDA) yang merupakan pemacu utama Ekonomi Digital telah mengunjurkan keperluan kepada 20,000 profesional data dan 2,000 saintis data menjelang 2020. Berdasarkan kenyataan YAB Perdana Menteri sewaktu Mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia (ICM) ke-28, pada masa ini Malaysia mempunyai kira-kira 350 orang saintis data. Secara umumnya, cabaran yang dikenal pasti adalah penyediaan keperluan latihan yang lengkap kepada pegawai baru serta usaha ke arah meningkatkan kepakaran pegawai.

Pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif adalah penting bagi melahirkan modal insan yang kompetitif seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat masa kini. Ini adalah selaras dengan hasrat DOSM di dalam memperkasa modal insan, meningkatkan budaya inovasi dan kreativiti dan meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analitik.

Perkembangan Teknologi

Kepesatan revolusi digital yang sangat pantas dengan perkembangan teknologi terkini memerlukan warga kerja yang pengetahuan lebih tinggi. Revolusi ini telah mendorong kepada inovasi baru perkongsian data melalui kerjasama pintar kerajaan dan swasta. Dalam hubungan ini, terdapat kepentingan untuk DOSM meningkatkan penggunaan data pentadbiran dan kepakaran dalam big data analytics, data mining dan perisian statistik serta melahirkan anggota yang mampu untuk menghasilkan statistik berbentuk penceritaan melalui infografik.

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, ILSM sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam membentuk amanah dan sahsiah anggota perlu memastikan anggotanya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kepakaran supaya kualiti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan untuk manfaat kumpulan sasar.



Tenaga Pengajar yang Kompeten

ILSM merupakan satu-satunya Institut Latihan Awam (ILA) yang menyediakan latihan dalam bidang penyusunan statistik rasmi negara. Bagi memastikan latihan yang disediakan memenuhi keperluan anggota DOSM dan komuniti statistik, ILSM perlu membangunkan Pelan Tenaga Pengajar bagi meningkatkan kemampuan tenaga pengajar yang kompeten dan pakar secara berterusan seiring dengan perkembangan statistik global. Pendekatan pembelajaran andragogi yang moden dan sofistikated, menyebabkan proses pembelajaran Training of Trainers, On-Job Training, Coaching dan Mentoring perlu diperkasakan supaya kekal relevan dan memenuhi kehendak pelanggan. ILSM juga dituntut untuk memperkasakan tenaga pengajar yang pakar berdasarkan tujuh (7) bidang SME iaitu:

- a) Survey Metodology
- b) Survey operation
- c) Economy
- d) Demography
- e) Social
- f) Environment
- g) Data Science

Dalam hal ini jua, fokus utama di dalam pembangunan Pelan Penggantian perlu berdasarkan kepada perancangan pengurusan sumber manusia DOSM yang merangkumi setiap Bahagian dan Jabatan Perangkaan Negeri. ILSM juga akan lebih fokus dan teliti dalam merancang pembangunan Pelan Fellowships bagi memastikan kelestarian ilmu dan pengetahuan dalam bidang statistik rasmi tidak terhenti apabila kumpulan SME ini bersara dari perkhidmatan di DOSM.



Tadbir Urus Latihan dan Pengukuhan Organisasi ILSM Selaku *Centre of Excellence*

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, tadbir urus yang baik adalah satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan sempurna di ILSM. Dasar dan tadbir urus latihan yang mampan mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan latihan di dalam sesebuah organisasi. Pengukuhan kepada dasar dan prosedur perlu dijadikan sebagai keutamaan bagi memastikan semua program dan aktiviti yang direncanakan dapat dilaksanakan melalui pematuhan audit (audit compliance) serta standard-standard lain yang telah ditetapkan. Kejelasan kepada Pelan Transformasi DOSM 2015 – 2020 sebagai punca kuasa adalah amat penting bagi mengelakkan isu kekeliruan, kesilapan, pertindihan dan salah guna kuasa di dalam ILSM melaksanakan fungsinya sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu. Dalam memastikan kelestarian Institut sebagai sebuah pusat pembelajaran yang unggul dan kekal relevan, Institut perlu bergerak dengan lebih pantas yang bukan sahaja melalui pengukuhan perjawatan yang lebih kemas dan bersistematik malahan ianya turut melibatkan pelaksanaan tadbir urus yang terbaik, pengukuhan integriti di kalangan anggota, pematuhan anggota terhadap peraturan yang berkuatkuasa dan anjakan paradigma anggota di dalam menelurusi ilmu baru agar lebih kompeten, berkepakaran tinggi, inovatif, kreatif dan accountable.

Kemudahan Infrastruktur Dan Prasarana Yang Lengkap

Semenjak penubuhan, ILSM telah menawarkan perkhidmatan latihan dan kemudahan fasiliti kepada warga DOSM dan agensi luar melalui 1MTC. Kemudahan fasiliti dan prasarana yang moden serta kondusif perlu disediakan bagi memenuhi keperluan peserta selaras dengan visi ILSM menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul. Pengurusan fasiliti yang cekap merupakan elemen utama yang akan difokuskan di dalam PSI ini bagi penghasilan perkhidmatan terbaik, peningkatan imej korporat, peningkatan kualiti dan pengawalan kos kepada pentadbiran dan pengurusan di ILSM.

Jalanan Kerjasama Kepakaran

Pembangunan modal insan yang kompeten di DOSM memerlukan kepakaran dalam bidang statistik. Sehubungan itu, program kolaborasi kepakaran dalam bidang statistik bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT), Institut Latihan Awam (ILA), Pusat Latihan Swasta (PLS) serta agensi latihan antarabangsa adalah amat penting. Ianya bertujuan untuk membangunkan pakej pembelajaran yang diiktiraf serta melahirkan tenaga pengajar yang kompeten dan pakar. Program kerjasama ini juga dapat menggalakkan pembudayaan penyelidikan ilmiah dikalangan warga DOSM.



BAB 3:

HALA TUJU STRATEGIK

ASPIRASI DAN HALA TUJU STRATEGIK

Visi

Menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul

ILSM bertekad untuk menyediakan landskap pembelajaran yang moden dan kondusif setanding dengan Institut Latihan Statistik antarabangsa bagi menghasilkan warga DOSM yang pakar dan kompeten disamping meningkatkan literasi dan pembudayaan statistik di kalangan komuniti.

Misi

Memperkasa pembangunan modal insan yang cemerlang melalui pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif

Misi ILSM dibangunkan dengan fokus utama selaku peneraju pembangunan dan pemeraksanaan modal insan dalam bidang statistik rasmi. Melalui misi ini, ILSM komited untuk menganjurkan pakej pembelajaran yang moden, komprehensif dan berkualiti dalam bidang statistik ekonomi, sosial dan demografi, metodologi dan penyelidikan serta teknologi maklumat dan geospasial.

Objektif

1. Menyediakan modul dan kurikulum kursus yang berkualiti dan dinamik dalam memenuhi keperluan pembangunan statistik negara

Bertujuan memastikan modul dan kurikulum yang disediakan memenuhi keperluan pengguna bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang statistik rasmi. Disamping itu, ia juga menjadi panduan dalam penyediaan tenaga pengajar yang berkualiti dan efektif.

2. Melahirkan modal insan yang terlatih dalam bidang statistik

Menyediakan pelan operasi latihan yang strategik dan kompresensif bertujuan melahirkan modal insan yang terlatih dalam bidang statistik rasmi.

3. Menyediakan dan mengendalikan program latihan menerusi jalinan kerjasama dengan institusi dalam dan luar negara

Bertujuan meningkatkan kualiti pakej pembelajaran dan tenaga pengajar seterusnya meningkatkan imej ILSM sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang statistik rasmi di peringkat domestik dan global.

Fungsi

1. Merangka dan menggubal modul dan kokurikulum kursus.
2. Merancang, mengurus dan mengendalikan kursus dalaman mengikut keperluan Pusat Pengajian.
3. Merancang, mengurus dan mengendalikan kursus antarabangsa.
4. Merancang, mengurus dan melaksanakan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan dengan statistik.
5. Menilai keberkesanan latihan.

Piagam Pelanggan

Kami komited menyedia dan melaksana program latihan berkualiti dalam bidang statistik selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme personel.

Kami berjanji akan :

1. Merancang dan melaksana program latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
2. Menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
3. Memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik; dan
4. Memastikan maklum balas diberi kepada semua pertanyaan dan aduan dalam tempoh dua (2) hari bekerja.



NILAI-NILAI BERSAMA

INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

Berkhidmat dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan, prosedur dan etika kerja cemerlang tanpa melibatkan kepentingan peribadi.

PROFESIONALISME

Melaksanakan tugas dengan komitmen yang penuh dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran spesifik apabila melaksanakan penyelesaian bagi setiap masalah, bertanggungjawab, gigih, berdaya saing dan produktif di dalam setiap penghasilan kerja berdasarkan amalan statistik yang terbaik.

KREATIF DAN INOVATIF

Sentiasa peka dan prihatin dengan kehendak stakeholders dan keperluan pegawai awam di samping cepat menyesuaikan diri dengan cabaran semasa serta tangkas mencari penyelesaian terbaik dengan menggunakan daya kreativiti dan inovasi.

SEMANGAT BERPASUKAN

Menggembeng tenaga, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi bagi mencapai visi dan misi organisasi.

KOMPETEN

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.


BERHEMAH DAN BERWIBAWA

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

KEPUASAN PELANGGAN

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna ILSM. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

Ringkasan Pelan Strategik





TERAS 1: Pengurusan Pembelajaran yang Berkualiti dan Berinovatif

Strategi 1 : Pengukuhan Pakej Pembelajaran

Strategi 2 : Pengurusan Kompetensi yang Inklusif

Strategi 3 : Pembangunan Khidmat Rundingan Latihan

Strategi 4 : Pelaksanaan Program Antarabangsa

ILSM komited dalam usaha untuk membangun dan memperkukuh pakej pembelajaran di setiap Pusat Pengajian agar selaras dengan perkembangan statistik global dan permintaan pengguna. ILSM turut menyediakan kaedah pembelajaran andragogi yang moden dan efektif bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian. Seterusnya ILSM bertanggungjawab untuk mengkaji, membangun dan melaksanakan pakej pembelajaran berimpak tinggi (SME & Pakar Perisian) serta pembangunan program laluan kerjaya melalui program berkembar dan diakreditasi bersama rakan strategik. Inisiatif ini bagi membentuk modal insan yang kompeten dan pakar seterusnya melahirkan warga kerja yang efektif dan efisien.

ILSM juga melalui inisiatif pengurusan kompetensi yang inklusif akan membangunkan DOSM Competency Register (DCOR), Sistem Tier Competency serta melaksanakan Statistics Induction Program (SIP) dan pentauliahan SME. Mempunyai keperluan sumber manusia yang berkompetensi dan kemahiran tinggi merupakan satu keperluan untuk menangani cabaran dan perubahan persekitaran organisasi yang sukar diramal di masa depan.

ILSM turut menawarkan perkhidmatan rundingan latihan yang berkualiti melalui pelaksanaan kursus-kursus customised sejajar dengan memperkasa peranan sebagai pakar runding dalam bidang statistik seperti yang digariskan di dalam Teras Strategik 4 Pelan Transformasi DOSM 2015-2020.

Bagi memperkukuhkan dimensi pelaksanaan hubungan kerjasama pelbagai hala, ILSM akan mengkaji, membangun dan melaksanakan program Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP). Ini adalah selari dengan usaha untuk merealisasikan Visi DOSM sebagai sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia, dan seterusnya dapat meningkatkan imej ILSM sebagai institut latihan statistik yang dikenali di peringkat antarabangsa dan pengiktirafan sebagai pakar rujuk dalam bidang statistik.



TERAS 2: Tenaga Pengajar Yang Kompeten

Strategi 1 : Pembangunan Kompetensi Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar yang dilantik pada masa kini adalah dikalangan warga DOSM dan tenaga pengajar luar termasuk pesara DOSM. Pemilihan tenaga pengajar adalah berdasarkan taraf pendidikan, kemahiran dan pengalaman mengikut bidang statistik yang berkaitan. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan profil tenaga pengajar, DOSM Trainer Competency Register (DTCOR) akan dibangunkan.

ILSM komited untuk membangunkan Pelan Tenaga Pengajar bagi meningkatkan kompetensi dan kepakaran khususnya dalam tujuh bidang kepakaran utama iaitu survey methodology, survey operation, economy, demography, social, environment dan data science. Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran andragogi, tenaga pengajar akan dilengkapi dengan latihan Training of Trainers (ToT), Rancangan Sesi Pengajaran (RSP), Coaching dan Mentoring.

Program Fellowship turut akan dibangunkan bagi meneruskan kelangsungan pengetahuan dan kemahiran di kalangan warga DOSM.





TERAS 3: Pemantapan Dasar Dan Tadbir Urus Latihan

Strategi 1 : Pengukuhan Tadbir Urus Latihan

Strategi 2 : Pengukuhan Organisasi

ILSM akan terus memperkukuhkan pematuan kepada dasar dan prosedur latihan yang digariskan oleh DOSM bagi menggiatkan keinginan anggota menghadiri kursus yang telah ditetapkan. Penetapan kursus secara tahunan mengambil kira kepentingan semasa di DOSM dan penumpuan kepada anggota baru yang berada di dalam tempoh perkhidmatan lima (5) tahun. Pemantauan pengurusan latihan yang lebih strategik dilaksanakan secara berkala melalui pelaporan oleh Pegawai Pengurus Latihan (PPL) yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan dan Mesyuarat Lembaga Penasihat. Prestasi diukur daripada 100% pematuan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berkursus oleh semua warga DOSM dan anggota yang berkhidmat di dalam tempoh perkhidmatan lima (5) tahun melengkapkan kursus teras yang ditetapkan.

Pengukuhan organisasi yang dikemukakan tidak terhad kepada pengurusan latihan di ILSM sahaja, tetapi ianya turut mencakupi aspek pengurusan ILSM sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ). Segala inisiatif strategi ILSM akan dikawal selia melalui proses pematuan dasar dan perundangan yang lebih berkesan dan relevan dengan peredaran semasa serta akan ditingkatkan berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan. Modal insan yang kompeten merupakan aset terpenting bagi ILSM dalam merealisasikan inisiatif-inisiatif yang telah diatur dan ini mampu mengukuhkan organisasi secara keseluruhan.






TERAS 4: Pengurusan Infrastruktur Yang Efektif Dan Efisien

Strategi 1 : Penyediaan Infrastruktur Pembelajaran Yang Moden

Strategi 2 : Peningkatan Imej Institut

ILSM pada dasarnya ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pembangunan modal insan secara inklusif dalam bidang statistik rasmi dengan menyediakan latihan yang berterusan, program latihan yang terancang serta memberi ruang dengan menumpu kepada pembangunan profesionalisme yang tinggi untuk meningkatkan kepakaran anggota dalam bidang statistik. ILSM juga memberi ruang kepada warga agensi dan kementerian lain untuk mempelajari dan mendalami ilmu berkaitan statistik rasmi.

Pengurusan infrastruktur dan fasiliti ILSM pada masa ini menggunakan kaedah secara dalaman (in-house) dan juga lantikan kontraktor. Bagi memastikan bangunan, sistem dan peralatan beroperasi pada kecekapan yang optimum, perancangan yang teliti dan menyeluruh perlu dilaksanakan. Selain dari memberi fokus kepada prasarana dan fasiliti, pembangunan sistem pengurusan fasiliti serta pengukuhan laman web juga diberi perhatian. Prosedur dan penilaian dirancang agar imej ILSM sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan supaya ILSM akan lebih berdaya saing dan mendapat sokongan daripada pelanggan terutamanya stakeholders.





TERAS 5: Jalinan Usahasama Strategik

Strategi 1 : Pengukuhan jalinan usahasama dengan IPT / ILA.

Strategi 2 : Pengukuhan jalinan usahasama dengan rakan industri PLS

Strategi 3 : Pengukuhan jalinan usahasama dengan agensi latihan antarabangsa

Bagi menggalakkan perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada organisasi, ILSM turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT), Institut Latihan Awam (ILA) dan rakan industri PLS. Di antara bidang kerjasama yang dipersetujui adalah membekalkan data bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan. Dengan ini, kajian yang dilaksanakan akan menghasilkan ilmu atau dapatan baru yang dapat menyumbang kepada program transformasi negara. Program MoU ini juga memberi ruang kepada kedua belah pihak untuk menyumbangkan kepakaran di dalam bidang pengumpulan data, analisis dan penulisan.

Melalui kerjasama ini juga, ILSM berpotensi meneroka peluang ilmu dalam tujuh (7) bidang kepakaran bidang berkaitan yang berupaya menzahirkan ilmuan berkaliber. Seterusnya, ILSM menjadi sebagai sebuah pusat pentauliahan dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran serta mendapat pengiktirafan dalam bidang statistik. Usaha kolaborasi ini amat signifikan dengan hasrat untuk pembangunan modal insan dalam bidang statistik rasmi negara.

ILSM juga meneruskan komitmen untuk mengukuhkan jaringan usahasama strategik di peringkat anggota ASEAN dan negara Asia Pasifik. Ini terbukti dengan penyertaan anggota tersebut dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh ILSM bersama UNSIAP dan EU-COMPASS. Kolaborasi ini merupakan satu pemangkin serta penjana dalam melahirkan modal insan yang kompeten dan inovatif dalam membawa manfaat kepada peserta negara serantau.

FAKTOR PENENTU KEJAYAAAN

Pengurusan

Pengurusan pejabat yang baik merupakan asas dalam menentukan kejayaan hala tuju sesuatu organisasi. Dalam hal ini, amalan baik sedia ada seperti EKSA, MSISO dan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) akan dijadikan budaya kerja yang lestari. Penilaian pencapaian kepada dasar-dasar ILSM sedia ada perlu dilaksanakan berdasarkan konsep going back to drawing board bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dicapai atau dipinda mengikut kesesuaian masa, trend terkini serta hala tuju dan dasar semasa DOSM.

Kepimpinan

Komunikasi kepimpinan amat penting dan efektif dalam organisasi terutamanya antara pihak pengurusan dengan para pekerja. Komunikasi yang efektif wajar bermula daripada penglibatan pihak pengurusan dan dilaksanakan pada semua peringkat dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan pengurusan atasan dalam organisasi juga harus menunjukkan sikap dan role model yang baik kepada para pekerja. Komunikasi berkesan antara pegawai dalam organisasi amat perlu dititikberatkan bagi merapatkan jurang perhubungan serta memudahkan urusan menangani permasalahan lain.

Inovasi

Sistem maklumat dan kemajuan teknologi perlu digunakan dan diselaras sepenuhnya bagi menampung keperluan di ILSM. Perkongsian maklumat perlu dipergiatkan lagi untuk membantu proses membuat keputusan secara inklusif dan tepat berdasarkan dimensi yang lebih luas. Penambahbaikan berterusan melalui nilai tambah (value added) dan nilai cipta (value creation) harus menjadi titik tolak kepada kesinambungan ILSM sebagai satu organisasi yang relevan dalam mengharungi masa depan yang kian mencabar. Proses penandaarasan (benchmarking) pula perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menilai kedudukan ILSM berbanding Pusat Latihan lain sama ada badan Kerajaan mahupun swasta dari dalam atau luar negara. Amalan terbaik daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara boleh diadaptasi mengikut kesesuaian dasar, peranan dan fungsi ILSM. Kesemua elemen ini berupaya mendorong hasil inovasi dan kreativiti yang lebih bermutu dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi (high marketability). Ini seterusnya mampu meningkatkan imej ILSM khususnya melalui pengiktirafan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Tadbir Urus

Prestasi dan pematuhan merupakan dua aspek yang perlu diberi penekanan dalam melaksanakan tadbir urus yang terbaik. Di samping penggunaan sumber yang optimum, setiap prosedur dan peraturan perlu dipatuhi dan dilaksanakan dengan efektif dan efisien. Ini bagi memastikan semua program, aktiviti dan inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan mematuhi keperluan audit serta standard-standard lain yang telah ditetapkan. Pemantapan tadbir urus melibatkan keberkesanan pemantauan dan pelaksanaan. Dalam membuat keputusan dan bertindak, fakta dan pertimbangan yang paling wajar bagi memenuhi tuntutan stakeholders dan kehendak pelanggan yang sentiasa berubah-ubah perlu diamalkan.

Budaya Kerja

Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah meningkatkan imej korporat dan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Aktiviti kreativiti dan inovasi pula telah meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) telah berjaya merubah budaya kerja penjawat awam dalam sistem penyampaian kerajaan. Persekitaran dan budaya kerja yang lestari mendorong kepada penyuburan nilai inovasi dan kreativiti di samping penglibatan dan komitmen seluruh organisasi. Perubahan budaya kerja silo kepada berpasukan perlu diterapkan berdasarkan kepada konsep *completing and not competing* bagi menjamin keharmonian organisasi. Bagi merealisasikan hasrat ini, birokrasi yang tidak perlu (*red tape*) perlu dikurangkan seminima mungkin. *Sense of urgency* juga perlu menjadi amalan bagi setiap warga berdasarkan konsep *Cepat, Tepat dan Integriti* tanpa mengabaikan aspek kualiti perkhidmatan, keselamatan dan kerahsiaan maklumat terperingkat Kerajaan. Peningkatan dan pemantapan etika serta integriti menjadi fokus penting dan perlu dijadikan budaya dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah selaku warga ILSM. Justeru kesediaan setiap warga mengaplikasikan budaya kerja baru seiring dengan perubahan keperluan pengguna adalah sangat penting.

Rangkaian Kerjasama

Bagi memantapkan kerjasama dan perkongsian bijak dengan pelbagai pihak, pandangan dan idea secara kolektif perlu dibuat bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Maklum balas yang diberikan oleh stakeholders dan pengguna luar ILSM boleh dijadikan ukuran keberkesanan tersebut.

MENUJU KE HADAPAN DAN LANGKAH SETERUSNYA

Pelan strategik ini akan membawa kecemerlangan ILSM seiring dengan pencapaian DOSM dalam melangkah ke hadapan sebagai organisasi statistik terbilang di dunia menjelang tahun 2020.

Pasca 2020,

- 1. ILSM menjadi rujukan utama kepada agensi luar di dalam bidang statistik rasmi;*
- 2. Pelaksanaan pensijilan bagi program jangka pendek dan jangka panjang (twinning program), diakreditasi dan diiktiraf;*
- 3. Pakej pembelajaran yang moden dan dinamik berasaskan keperluan latihan semasa seperti blended learning;*
- 4. ILSM mempunyai barisan tenaga pengajar pakar meliputi tujuh bidang keutamaan (SME);*
- 5. Menjadi rujukan utama dalam pembangunan latihan statistik di peringkat antarabangsa.*





PELAN TINDAKAN

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	KPI
Teras Strategi 1 : Pengurusan Pembelajaran Yang Berkualiti Dan Berinovatif			
Objektif: Menyediakan Pakej Pembelajaran Yang Berkualiti Dan Dinamik Untuk Pembangunan Statistik Negara			
Strategi 1 : Pengukuhan Pakej Pembelajaran			
1	Membangun, Mengkaji Semula Dan Mengemaskini Pakej Pembelajaran	Pembangunan Prosedur Standard Operasi LNA - Metodologi - Analisis - Penemuan	2017 Satu Manual Prosedur Standard Operasi Dihasilkan
		Pelaksanaan Prosedur	2018-2020 1 Laporan LNA Dihasilkan Setiap Tahun
		Pengukuhan Dan Pembangunan Kursus Berteraskan Keperluan Semasa Menggunakan Kerangka GSBPM - Pengukuhan Program (Asas / Pertengahan / Lanjutan) - Pembangunan Kursus Baru - Kajian <i>Blended Learning</i> (<i>Classroom</i> / <i>Elearning</i>)	2017 1 Laporan Pengukuhan Program Teras / Baru (Asas / Pertengahan) Dihasilkan 2018 1 Laporan Pengukuhan Program Lanjutan Dihasilkan
		Membangun Dan Melaksana Kaedah Penilaian Kursus Yang Komprehensif Menggunakan Kerangka Terkini - Penilaian Kursus - Penilaian Keberkesanan	2018 1 Laporan <i>Review</i> Penilaian Kursus Dihasilkan
2	Mengkaji, Membangun Dan Melaksanakan Kursus - Kursus Berimpak Tinggi (SME & Pakar Perisian)	Mengkaji Dan Membangunkan Kursus Yang Berimpak Tinggi	2017 1 Laporan Kajian Dihasilkan
		Pelaksanaan Kursus Yang Berimpak Tinggi	2018 -2020 Pelaksanaan Kursus Berimpak Tinggi
		Pelaksanaan Program Komunikasi & Kepimpinan Strategik Yang Menyeluruh	2017-2020 1 Program Komunikasi Dan 1 Program <i>Statistical Leadership</i> Dilaksanakan Setiap Tahun

3	Mengkaji Dan Membangun Program Laluan Kerjaya (Program Berkembar Dan Pensijilan) Bersama IPT / ILA / JPK / PLS	Kajian Keperluan Dan Kesesuaian Program Bersama IPT / ILA / JPK / PLS	2016-2020 1 Laporan Dihasilkan Setiap Tahun
		Penyediaan Modul Program	2019 1 Modul Program Dihasilkan
		Pelaksanaan Program	2020 1 Program Dilaksanakan
4	Membangunkan DOSM (DCOR)	Pembangunan DCOR - Kerangka - Kemaskini Profil Anggota (" <i>As Is</i> " & " <i>To Be</i> ") - Pelaksanaan & Pemantauan	2017 Sistem DTIMS Fasa 1 DCOR
5	Membangunkan Sistem <i>Tier Competency Register</i>	Membangunkan Sistem <i>Tier Competency (Training Road Map)</i> - <i>Gap Analysis</i> - Pengkelasan Sistem <i>Tier Competency</i>	2018 1 Laporan Sistem <i>Tier Competency</i> Dihasilkan
		Pelaksanaan Dan Pemantauan Sistem <i>Tier Competency</i>	2019-2020 Pelaksanaan Sistem <i>Tier Competency</i>
6	Melaksanakan <i>Statistics Induction Program</i> (SIP) Dan Pentauliahan SME	Pembangunan Program	2017 1 Pembangunan <i>Statistics Induction Programme</i> (SIP) 2018 1 Pembangunan Program Pentauliahan SME
		Pelaksanaan Program	2018 Pelaksanaan <i>Statistics Induction Programme</i> (SIP) 2019 Pelaksanaan Program Pentauliahan SME
7	Menyediakan Khidmat Rundingan Latihan Yang Berkualiti	Penyediaan Garis Panduan Khidmat Rundingan Latihan	2018 Satu Garis Panduan Dihasilkan
8	Mengkaji, Membangun Dan Melaksanakan Kursus - Kursus <i>Customised</i>	Pelaksanaan Kursus <i>Customised</i>	2016-2020 Pelaksanaan 10 Kursus <i>Customised</i>

9	Mengkaji, Membangun Dan Melaksanakan Program Anjuran <i>Malaysian Technical Cooperation Program</i>	Penilaian Fizikal	2016 Penilaian Fizikal
		Pelaksanaan Ujian Rintis Dan Penyertaan Keahlian MTCP	2017 Pelaksanaan Ujian Rintis (1 Kursus)
		Pelaksanaan, Pembangunan Dan Penilaian Program	2018-2020 1 Kursus MTCP Dilaksanakan

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	KPI
TERAS STRATEGI 2 : TENAGA PENGAJAR YANG KOMPETEN			
Objektif: Mempertingkatkan Kompetensi Dan Kepakaran Tenaga Pengajar			
Strategi 1 : Pembangunan Kompetensi Tenaga Pengajar			
1	Membangun Dan Melaksanakan <i>DOSM Trainer Competency Register</i> (DTCOR)	Pembangunan DTCOR - Kerangka - Kemaskini Profil Tenaga Pengajar (" <i>As Is</i> " & " <i>To Be</i> ") - Pelaksanaan & Pemantauan	2017 Sistem DTIMS Fasa 1 DTCOR
2	Memperkukuhkan Kepakaran Dalam Bidang Latihan Dan Butiran Perkara	Pembangunan Pelan Tenaga Pengajar - <i>Gap Analysis</i> - TOT / Penerokaan Ilmu Baru - <i>Area Of Expertise</i> - Kolaborasi Dengan Pakar Luar - Pembangunan RSP - <i>Coaching And Mentoring</i>	2018 1 Pelan Tenaga Pengajar Dihasilkan 2019 - 2020 1 Laporan Penilaian Kompetensi Dihasilkan Setiap Tahun (Minimum 8 Markah)
3	Membangunkan Pelan <i>Fellowship</i>	Pembangunan Pelan <i>Fellowship</i> A) Kertas Justifikasi B) TOR C) Lantikan <i>Fellowship</i>	2019 1 Pelan <i>Fellowship</i> Dihasilkan
		Pelaksanaan Program <i>Fellowship</i>	2020 Pelaksanaan Program <i>Fellowship</i>

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	KPI
TERAS STRATEGIK 3: PEMANTAPAN DASAR DAN TADBIR URUS LATIHAN			
Objektif: Memantapkan Tadbir Urus Latihan Ke Arah Pembangunan Modal Insan Yang Cemerlang			
Strategi 1 : Pengukuhan Tadbir Urus Latihan			
1	Mematuhi Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam Dan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam	Menyediakan Satu Laporan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam Anggota Jabatan	2016-2020 1 Laporan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam Dihasilkan
		Penyediaan, Review Pelan Operasi Latihan	2016-2020 1 Pelan Operasi Latihan Dihasilkan Setiap Tahun
2	Memperkukuhkan Pengurusan Latihan Yang Strategik	Jawatankuasa Pengurusan Latihan	2016-2020 Mesyuarat JPL 2 Kali Setahun
		Lembaga Penasihat ILSM	2016-2020 Mesyuarat Ahli Lembaga 1 Kali Setahun Mengikut Keperluan
		Pegawai Pengurus Latihan Bahagian / JP Negeri	2017 1 Program PPL 2016-2020 <i>Retreat</i> 1 Laporan Pemantauan Secara Suku Tahunan 4 Laporan Setahun
Strategi 2 : Pengukuhan Organisasi			
3	Melaksanakan Tadbir Urus Institut Yang Lebih Baik	Pelaksanaan Pusat Tanggungjawab	2016 Pendaftaran PTJ 2017-2020 Pematuhan Prosedur Pentadbiran, Kewangan Dan Akaun PTJ
		Pengauditan A. ICT B. Prestasi / Kewangan	2017-2020 Pembentangan Laporan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)
		Naziran Integriti	2017-2020 Bilangan Laporan Yang Disediakan

		Penyediaan Bajet Tahun Baru	2017-2020 Peratus Pelaksanaan Sebelum / Pada April Setiap Tahun
		Perancangan Dan Keizinan Membuat Perolehan (AP168) Tahun Baru	2017-2020 Peratus Pelaksanaan Sebelum / Pada Disember Setiap Tahun
		Prestasi Bayaran Bil / Tuntutan	2017-2020 Peratus Bayaran Dalam Tempoh 14 Hari
		Prestasi Perbelanjaan A. Belanja Mengurus B. Belanja Pembangunan	2017-2020 Peratusan Perbelanjaan
		Bayaran Bekalan Dan Perkhidmatan Melalui Sistem e-Perolehan	2017-2020 Peratusan Bayaran Dilaksanakan Melalui Sistem e-Perolehan Berdasarkan Nilai Yang Ditetapkan
4	Memperkuhkan Sumber Manusia Institut	Pengukuhan Perjawatan	2018 & 2020 Pengukuhan Perjawatan Secara Dalaman
		Pengukuhan Integriti	2016-2020 Penglibatan Anggota Di Dalam Program Integriti Sekurang-Kurangnya Sekali Setiap Tahun
		Pengesanan Dan Pengesanan Aduan Salah Laku	2016-2020 1 Laporan Dihasilkan Setiap Tahun
		Pembangunan Kompetensi Sumber Manusia Institut	2016-2020 2 Kursus / Program Sangkutan / Seminar Dihadiri Setiap Tahun Oleh Setiap Anggota

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	KPI
TERAS STRATEGI 4 : PENGURUSAN INFRASTRUKTUR YANG EFEKTIF DAN EFISIEN			
Objektif: Memperkukuh Persekitaran Pembelajaran Yang Kondusif Dan Meningkatkan Imej Institut			
Strategi 1 : Penyediaan Infrastruktur Pembelajaran Yang Moden			
1	Mengkaji Dan Menaiktaraf Infrastruktur Pembelajaran	Kajian Infrastruktur Pembelajaran Yang Moden	2019 1 Laporan Kajian Dihasilkan
2	Memperkukuhkan Pengurusan Fasiliti Institut	Pembangunan Prosedur Pengurusan Fasiliti	2017 1 Prosedur Pengurusan Fasiliti Dihasilkan
		Pengurusan Dan Penyelenggaraan Fasiliti Institut Yang Berjadual Dan Berkala	2016-2020 1 Laporan Pengurusan Penyelenggaraan Setiap Tahun
		Pengurusan Penilaian Dan Aduan	2017-2020 - Skor Penilaian Fasiliti Minimum 8 - Maklum Balas Aduan Dalam Tempoh 2 Hari Bekerja
		Pembangunan Modul Pengurusan Fasiliti Institut	2020 Sistem DTIMS Fasa 2
3	Memperkukuhkan Infrastruktur ICT	Peningkatan Keupayaan Capaian Internet	2016-2020 Pengukuhan Infrastruktur Rangkaian
		Peningkatan Kapasiti Peralatan ICT	2016-2020 Perolehan Baru Dan Naik Taraf Peralatan ICT ILSM
4	Memperkukuhkan Pengurusan Sistem Latihan Yang Bersepadu	Penambahbaikan Sistem Pengurusan Latihan Atas Talian	2018 Sistem DTIMS Fasa 1
5	Memperkukuhkan Pengurusan Ilmu Dan Aset Intelektual	Penambahbaikan Sistem KMS	2018 1 Sistem KMS Yang Ditambahbaik

		Pengukuhan Peranan Perpustakaan Institut - Sistem V-Lib - Buku / Jurnal / Artikel	2017-2020 1 Sistem V-Lib Yang Ditambahbaik Setiap Tahun 2018 & 2020 Perolehan Buku Baru /Jurnal 2017-2020 IAOS <i>Subscription</i> Setiap Tahun
6	Mewujudkan Persekitaran Pembelajaran Yang Kondusif	Pelaksanaan EKSA	2017 Pensijilan EKSA
Strategi 2 : Peningkatan Imej Institut			
7	Memperkuhkan Laman Web Ilsm	Pengukuhan Laman Web ILSM - Menambahbaik Dan Mengemaskini Secara Berkala - Membangunkan Portal ILSM Yang Moden	2016-2020 Penambahbaikan Dan Pengemaskinian Secara Berkala 2019 Portal ILSM Dibangunkan Sebagai Sub Daripada Portal DOSM
8	Menggiatkan Penglibatan ILSM Dalam Portal 1MTC	Penglibatan Dalam Portal 1MTC	2016-2020 Mematuhi Prosedur 1MTC Dan Mengekalkan Perkhidmatan Terbaik
9	Menggiatkan Penglibatan ILSM Dalam Program Mengkomunitikan Statistik	Program <i>Statistics Corporate Social Responsibility</i> (SCSR) Peringkat Daerah Dan Negeri	2016-2020 1 Program Dilaksanakan Setiap Tahun
10	Melestarikan Penganjuran Kolokium Statistik	Penganjuran Kolokium Statistik	2016-2020 1 Program Dilaksanakan Setiap Tahun
11	Menghasilkan Penerbitan Laporan Tahunan Institut	Laporan Tahunan Institut Secara Dwi Tahunan	2016-2020 2 Laporan Dihasilkan

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	KPI
TERAS 5 : JALINAN USAHASAMA STRATEGIK			
Objektif: Mewujudkan Jalinan Usahasama Strategik Ke Arah Institusi Pembelajaran Yang Unggul			
Strategi 1 : Pengukuhan Jalinan Usahasama Dengan IPT / ILA / JPK			
1	Memperluaskan Rakan Strategik Mengikut Negeri	Mengkaji Dan Mengenalpasti IPT / ILA Yang Berpotensi Untuk Bekerjasama Dan Menandatangani Mou Serta Pemantauan Aktiviti Tahunan	2016-2020 1 Laporan Tahunan Kerjasama Dihasilkan
Strategi 2 : Pengukuhan Jalinan Usahasama Dengan Rakan Industri PLS			
2	Memperluaskan Rakan Strategik Bersama Pusat Latihan Swasta (PLS)	Mengkaji Dan Mengenalpasti Rakan Industri Yang Berpotensi	2016-2020 1 Laporan Tahunan Kerjasama Dihasilkan
Strategi 3 : Pengukuhan Jalinan Usahasama Dengan Agensi Latihan Antarabangsa			
3	Menganjurkan <i>Regional Courses / Workshop / Conference</i>	Pelaksanaan Kursus <i>Regional</i>	2016-2020 1 Kursus Diilaksanakan Setiap Tahun
4	Menjalinkan Kerjasama Dengan UNSIAP <i>Governing Council</i>	Penglibatan Di Dalam UNSIAP <i>Governing Council</i> - Sumbangan Tahunan - Mesyuarat	2016-2020 Sumbangan Sebanyak USD20,000 Setiap Tahun 2016-2020 Mengikut Keperluan Dan Jemputan
5	Mewujudkan Hubungan Dengan <i>Subgroup Network Coordination Of Training Programme</i>	Menghadiri Mesyuarat	2016-2020 Mengikut Keperluan Dan Jemputan
6	Mewujudkan Hubungan Dengan <i>Human Resource Management and Training</i> Di UNECE	Hadir Dan Membuat Pembentangan Kertas Kerja	2016-2020 Mengikut Keperluan Dan Jemputan
7	Mengekalkan Keanggotaan <i>ISI Corporate Membership</i> Dan <i>IAOS Membership</i>	Keanggotaan Di Dalam ISI dan IAOS	2017-2020 ISI Dan IAOS <i>Subscriptions</i> Setiap Tahun



Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia 2016-2020

Penasihat

**YBhg Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan
dan
Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan**

Pengerusi

Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri

Ahli

**Encik Razale bin Ibrahim
Encik Khairulnizam bin Hassan
Puan Wan Siti Zaleha binti Wan Zakaria
Puan Kristin Shamini a/p Nedunchelian
Encik Mohamad Shukor bin Mat Lazim
Puan Nadia binti Marzuki
Puan Siti Faizah Hanim binti Md Matar
Encik Ahmad Redzuan bin Abdul Hadi
Encik Ismail bin Abdul Rahman
Puan Nur Aziha binti Mansor @ Noordin
Cik 'Amirah Nur binti Ahmad
Puan Suhaila binti Mohd Amin**

**Encik Mohd Sawal bin Shakimon
Encik Wan Azhar bin Wan Mokhtar
Puan Norbani binti Yacob
Puan Siti Kartini binti Salim
Encik Sharisuparman bin Supar
Cik Uni Bah Udar
Encik Muhamad Ridzuan bin Azahari
Encik Yusri bin Ahmad Halili
Cik Norrulhuda binti Marsidin
Puan Lydia Shafiriza binti Johari
Cik Noor Azlina binti Omar
Encik Muhammad Hamisan bin Bakri**

AKRONIM

AMSs	ASEAN Member States
ASEC	ASEAN Secretariat
DCOR	DOSM Competency Register
DOSM	Department of Statistics Malaysia / Jabatan Perangkaan Malaysia
DTCOR	DOSM Trainer Competency Register
EPU	Economic Planning Unit / Unit Perancang Ekonomi
EU-COMPASS	European Commission
GSBPM	Generic Statistical Business Process Model
ILA	Institut Latihan Awam
ILSM	Institut Latihan Statistik Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
JPL	Jawatankuasa Pengurusan Latihan
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KMS	Knowledge Management System
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LNA	Learning Need Analysis
MOF	Ministry of Finance / Kementerian Kewangan Malaysia
MQA	Malaysian Qualifications Agency / Agensi Kelayakan Malaysia
MTCP	Malaysian Technical Cooperation Programme
PLS	Pusat Latihan Swasta
PPL	Pegawai Pengurus Latihan
PTJ	Pelan Transformasi Jabatan
PTJ	Pusat Tanggungjawab
RSP	Rancangan Sesi Pengajaran
SCSR	Statistics Corporate Social Responsibility

SEEA	Sub Regional Course on System of Environmental-Economic Accounting
SIP	Statistics Induction Program
SME	Subject Matter Expert
TNA	Training Need Analysis
TOR	Term of References
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UNESCAP	United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific
UNSD	United Nations Statistics Division
UNSIAP	United Nations Statistical Institute for Asia and The Pacific





Institut Latihan Statistik Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
35600 Sungkai
Perak

www.dosm.gov.my